

Proses mengeringkan makanan dan pakaian di ruang tanju.


MENYINGKAP KEUNIKAN RUMAH PANJANG ANNAH RAIS

Oleh Sapphira Izwah Kazaruddin

Sarawak ialah negeri terbesar di Malaysia yang terletak di Kepulauan Borneo. Sarawak atau lebih dikenali sebagai Bumi Kenyalang merupakan antara negeri kesukaan penulis. Sudah beberapa penulis bercuti di sana, namun masih belum ada lagi destinasi pelancongan di Sarawak yang penulis perlu lawati.


Selain terkenal dengan keindahan flora dan fauna, Sarawak juga unik dari segi kepelbagaian budaya daripada kaum dan etnik yang berbeza. Peredaran masa menyebabkan sedikit banyak budaya dan tradisi ini semakin menghilang sedikit demi sedikit. Namun begitu, masih ada dalam kalangan masyarakat di sini yang masih mengekalkan gaya hidup dan pegangan budaya mereka.

Jika berada di kawasan pedalaman, anda pasti masih boleh melihat rumah panjang tradisional yang masih kukuh berdiri. Sarawak sangat terkenal dengan rumah panjang yang didiami oleh suku kaum Iban, Melanau, Orang Ulu dan Bidayuh. Kebanyakan rumah dibina berhampiran dengan sungai yang menjadi laluan utama bagi masyarakat tersebut. Rumah panjang mempunyai bilik yang mampu menampung keluarga yang ramai yang mempunyai antara 20 bilik hingga 80 bilik.



Etnik Bidayuh merupakan antara etnik Dayak kedua terbesar di Sarawak. Etnik Bidayuh kaya dengan adat warisan, serta kebudayaan mereka yang tersendiri. Populasi etnik Bidayuh sebenarnya banyak boleh dikenal pasti di sekitar Kuching. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa etnik Bidayuh mempunyai pecahan subetnik seperti Bidayuh Selako/Lara yang banyak mendiami Daerah Lundu, Bidayuh Jagoi/Singai di Daerah Bau, Bidayuh Biatah yang menghuni Daerah Kecil Padawan, dan Bidayuh Bukar/Sadong yang banyak tertumpu di Daerah Serian, Kuching.


Masyarakat Dayak di Sarawak menyambut Hari Gawai Dayak. Sambutan ini sama pentingnya seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri buat umat Islam. Tarikh



Antara rumah yang terdapat di sini.



Tangga yang menghubungkan rumah ke rumah.



Sungai berdekatan dengan rumah panjang.



Struktur buluh yang masih digunakan.



Rumah Panggah.

keramat 31 Mei dan 1 Jun sangat dinanti-nantikan untuk diraikan umpama pesta. Sambutan Hari Gawai disambut sebagai tanda berakhirnya musim menuai. Sambutan dimeriahkan lagi dengan amalan "ngabang" atau kunjung-mengunjungi ke rumah saudara mara dan kenalan.

Menurut teman penulis dari Sarawak, Zaiwin Kassim, Pesta Hari Gawai lebih meriah sambutannya di rumah-rumah panjang. Bercakap tentang Rumah Panjang, baru-baru

ini, penulis berpeluang melawat Rumah Panjang Annah Rais, yang terletak di Padawan. Namun begitu, rumah panjang ini bukanlah rumah panjang pertama yang penulis lawati di Sarawak.

Rumah Panjang Annah Rais merupakan antara rumah panjang masyarakat Bidayuh yang masih kukuh berdiri hingga kini. Penulis melihat para penghuninya masih mengamalkan budaya dan tradisi zaman dahulu. Padawan, sebenarnya terletak berhampiran dengan sempadan Kalimantan, Indonesia. Rumah panjang di Kampung Annah Rais ini telah menjadi destinasi pelancongan popular kerana jaraknya dengan bandaraya Kuching tidak begitu jauh, iaitu lebih kurang 60 kilometer.

Pelbagai pakej pelancongan telah disediakan oleh agensi pelancongan untuk membolehkan para pengunjung merasai sendiri pengalaman berada di rumah panjang masyarakat Bidayuh. Pengunjung boleh memilih untuk mengambil pakej harian di sini ataupun pakej bermalam di rumah panjang. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan pengunjung di sini termasuklah melihat penduduk kampung membuat kraf tangan, memetik dan memproses lada, mencuba makanan tradisional atau belajar bermain peralatan muzik tradisional.


Mungkin ramai yang tidak tahu, rumah panjang ini dibina pada tahun 1818. Usianya kini mencecah hampir 200 tahun. Namun begitu,



Seorang penduduk bermain alat muzik tradisional.



Tuak dihidangkan untuk tetamu yang berkunjung di sini.



Lada putih yang sedang dikeringkan.



Tengkorak kepala yang dipenggal dapat dilihat di rumah panjang ini.



Keadaan di dalam rumah panjang.

usah risau kerana strukturnya masih kukuh, malah kini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Rumah panjang ini menggunakan kayu belian yang dijadikan tiang dan pelantar *tanju* yang menyebabkannya masih tegak berdiri hingga hari ini. Kelihatan beberapa pengubahsuaian telah dilakukan oleh beberapa orang pemilik terhadap struktur lantai, dinding dan atap. Namun begitu, pada pemerhatian penulis, rumah panjang ini masih lagi mengekalkan bentuk asalnya.

Rumah panjang ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bilik utama, awah dan *tanju*. Bilik utama dapat disamakan dengan ruang utama kediaman pada masa kini. Penulis difahamkan bahawa dalam bilik ini, etnik Bidayuh lazimnya meletakkan barang peribadi milik keluarga dan keturunan mereka termasuklah gong, tempayan dan tembikar.

Ruang ini juga berfungsi sebagai tempat tidur ketika malam. Ruang awah atau beranda pula digunakan untuk sebarang upacara keagamaan seperti perkahwinan, pantang larang dan pesta tertentu termasuklah pesta gawai. *Tanju* pula ialah ruang atau bahagian terbuka dan lazimnya tidak bertutup mahupun beratap. Ruang itu digunakan untuk menjemur hasil tuaian seperti lada, padi dan jagung. *Tanju* atau anjung merupakan antara ciri keaslian yang masih dikekalkan.




Ada antara rumah di sini dijadikan inap desa.



Awah.

Masyarakat Bidayuh membina *tanju* menggunakan buluh.

Tradisi Ngayau atau pemburu kepala juga cukup sinonim dengan kehidupan penduduk Bumi Kenyalang pada suatu ketika dahulu. Jika difikirkan kembali, tercurus perasaan gerun jika melihat kepada tradisi yang diamalkan di sini dahulu. Seiring dengan peredaran zaman, tradisi "potong kepala" sudah tidak diamalkan lagi, namun masih diperkatakan hingga kini dan menjadi warisan sejarah masyarakat Iban, etnik majoriti yang mendiami Sarawak, bagi menggambarkan semangat kepahlawanan, keberanian dan kekuasaan mereka. Tradisi itu juga sebagai lambang martabat sosial seseorang individu dalam kelompok tersebut, iaitu semakin banyak kepala musuh dipenggal dan disimpan, lebih tinggi penghormatan diberikan kepadanya.

Jika anda berada di Rumah Panjang Annah Rais, anda boleh melihat sendiri rumah panggah atau rumah kepala. Di dalam rumah ini, tersimpan tengkorak kepala manusia yang sudah dibunuh. Anda boleh melihat tengkorak yang tersimpan rapi di dalam rumah panggah ini dengan lebih dekat. Kepala musuh yang dipenggal perlu dijaga rapi melalui upacara ritual. Makanan perlu dipersembahkan dengan api dinyalakan bagi mengelak kepala berkenaan mengganggu penduduk yang mendiami rumah panjang tersebut. 



Jika ke Sarawak, jangan lupa untuk mencuba mi kolok.



Pelbagai cenderamata dihasilkan oleh penduduk.



Buah kristal yang rasanya seperti rambutan.



Meriam lama diletakkan di dalam rumah panggah.